

Peristiwa Terusan Suez

Bergema di Seluruh Dunia

Pada 26 Julai 1956 Presiden Mesir, Jamal Abdul Nasir telah menjadikan Terusan Suez milik negara. Tindakannya ini menyebabkan kuasa-kuasa Barat membantah lalu mengadakan persidangan 22 buah negara pada 17 Ogos dan hasilnya 18 buah di antaranya bersetuju meletakkan Terusan Suez di bawah kekuasaan international, tetapi keputusan ini telah dibantah oleh Soviet, India, Indonesia dan Ceylon. Mesir sendiri tetap membantah.

Gambar di sebelah menunjukkan patung sekerat bagi Khedive Sa'id (Raja Mesir) yang telah dibuatkan oleh De Lisifis dan didirikan di hadapan Pejabat Syarikat Terusan Suez. Inilah sahaja balasan *engineer* Perancis itu kepada sahabatnya Raja Mesir.

Gambar bawah: Hari Perayaan membuka Terusan Suez yang telah diadakan oleh Khedive Ismail dan dihadiri oleh Raja-raja dunia dan kerananya Mesir telah menanggung beban hutang yang bukan sedikit.

